

Ke arah melahirkan belia lebih pragmatik, dinamik



TRANSFORMASI Program Rakan Muda adalah satu pendekatan yang diambil Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk menjadikan program pembangunan belia lebih pragmatik dan dinamik.

Transformasi penting kerana sempena sambutan kemerdekaan ke 50 tahun, negara berada di tahap maju, makmur, dinamik dan lain-lain.

Sebagaimana kata Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, kita perlu berfikir apa akan terjadi atau yang kita inginkan berlaku dalam 50 tahun akan datang kepada masyarakat, khususnya generasi belia.

“Gerakan yang perlu dilakukan adalah selaras misi nasional, wawasan 2020 dan selepas itu. Gerak langkah pembangunan belia perlu menjangkakan cabaran dan matlamat yang ingin dicapai,” katanya.

Azalina berkata, kementerian melihat, bagi menentukan Program Rakan Muda itu dilaksanakan dengan berkesan, perlulah mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan.

Program Rakan Muda dilaksanakan mengikut gaya hidup yang tertentu yang mana sesetengah kementerian mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan.

“Kita akan menggunakan kekuatan yang ada di kementerian berkenaan untuk membangunkan belia.

“Sebagai contoh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam Gaya Hidup Seni Budaya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam Rakan Cinta Alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam Rakan Inovasi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam Rakan Wira Usaha dan sebagai.

“KBS mencuba kaedah itu bersama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui pelaksanaan Program Rakan Muda-Jiran Muda dan mendapatkannya berjaya,” katanya.

Menurut Azalina, bersempena majlis Pelancaran Rakan Muda Fasa II dan sempena sambutan ulang tahun Kemerdekaan Malaysia ke-50, KBS akan melaksanakan satu

kursus patriotisme khususnya kepada semua pemimpin golongan remaja pada peringkat akar umbi.

Satu modul khusus sedang dirangka dan dijangka kursus akan dapat bermula pada Julai atau Ogos yang membabitkan seramai lebih kurang 17,000 orang belia remaja.

Harapan Azalina sempena pelancaran itu akan dapat dimeriahkan semula, dapat menarik minat belia remaja pada semua peringkat menyertai program itu dan akhirnya harapan besar kerajaan ia sebagai landasan bagi belia remaja negara mengasah bakat mereka dalam pelbagai bidang menjadi kenyataan.

KBS juga akan melaksanakan program berdasarkan kepada kajian yang dibuat IPPBM dengan berpandukan kepada Indeks Belia dan juga Peta Belia.

Pelaksanaan program akan memberi keutamaan kepada petunjuk itu bagi mengatasi keangan kewangan. Program akan dilaksanakan mengikut keutamaan terutama di kawasan paling memerlukan.

BH-31/5/2007